

KLAUSA

1. KONSEP

- Klausa ialah satu unit **rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat**, yang menjadi konstituen kepada ayat.¹
- Klausa menduduki tempat kedua tertinggi dalam tingkat tatabahasa Melayu, iaitu di bawah ayat.
- Dari segi fungsi, klausa berfungsi pada gatra-gatra tertentu dalam ayat.²

2. JENIS KLAUSA

(1) Klausa bebas

- Klausa bebas ialah klausa **yang boleh berdiri sendiri dan boleh bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna**.³
 1. Kamu pandai.
 2. Dia tidak datang.
 3. Baharum belum mandi.

(2) Klausa tak bebas

- Klausa tak bebas merupakan **klausa subordinat**, iaitu **klausa yang tidak dapat berdiri sendiri dan tidak bersifat ayat**. Oleh itu, klausa ini memerlukan klausa yang lain untuk berdiri.
- Klausa ini tidak ditandai oleh intonasi yang lengkap, tutur yang tergantung, dan tidak ada pangkalnya.⁴
 - 1a ...kerana kamu rajin belajar.
 - 2a ... kerana dia sakit.
 - 3a. Beritahu ibu bahawa...
- Klausa ini hanya wujud dalam ayat kompleks (**ayat majmuk**) atau dalam wacana yang menunjukkan ada kaitannya dengan klausa yang lain,⁵ iaitu apabila digabungkan dengan klausa bebas.
 - 1b. Kamu pandai **kerana kamu rajin belajar**.
 - 2b. Dia tidak datang **kerana dia sakit**.
 - 3b. **Beritahu ibu bahawa** Baharum belum mandi.

¹ Nik Safiah Karim, *et al.* *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. KL:DBP (1995:415)

² Asmah Hj. Omar. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. KL:DBP (1986:343)

³ Nik Safiah Karim, *et al.* (1995:415)

⁴ Asmah Hj. Omar (1986:345)

⁵ Asmah Hj. Omar (1986:344)

(3) Klausa utama

- Klausa utama ialah **klausa bebas** dalam ayat majmuk.
- Dalam keadaan bergabung dengan klausa tak bebas, klausa itu disebut **klausa utama**,⁶ sebaliknya apabila klausa tak bebas ditiadakan, klausa itu dikenali semula sebagai klausa bebas.

⁶ Nik Safiah Karim, *et al.* (1995:416)